

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI (PADANG SERAI) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menyelesaikan isu peningkatan populasi di Padang Serai. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk meningkatkan bilangan sekolah rendah dan menengah bagi menampung peningkatan populasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara termasuk di kawasan parlimen Padang Serai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah meneliti dan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci di Parlimen Padang Serai. Oleh yang demikian, KPM akan membuat perolehan tapak bagi tujuan pembinaan dua buah sekolah baharu iaitu:

- (i) sebuah sekolah menengah di kawasan Taman Legenda, Padang Serai; dan
- (ii) sebuah sekolah rendah di kawasan Bandar Permata Lunas, Padang Serai.

KPM akan mengemukakan permohonan pembinaan sekolah dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan* yang seterusnya sebaik sahaja proses perolehan tapak selesai.